



## PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN JABATAN PERDANA MENTERI

ARAS 5, BLOK D,  
KOMPLEKS ISLAM PUTRAJAYA,  
NO 3, JALAN TUN ABDUL RAZAK,  
PRESINT 3, 62100 PUTRAJAYA.

### KENYATAAN RASMI PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN

BIL.5/2020

#### FAQ MENGENAI SOLAT JUMAAT DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) COVID-19

1. Soalan:

**Adakah sah solat Jumaat dengan jemaah kurang dari 40 orang?**

Jawapan:

Hukum pelaksanaan solat Jumaat dengan bilangan kurang dari 40 orang adalah sah mengikut mazhab Hanafi yang menetapkan tiga (3) orang tidak termasuk imam, atau dua belas (12) orang tidak termasuk imam. Kedua pendapat ini juga merupakan dua pendapat yang disandarkan sebagai qoul qodim (pendapat lama) Imam Syafie, dan kedua-duanya difatwakan oleh para ulama, sedangkan pendapat yang mengatakan bilangan 12 itu lebih masyhur. Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan pada 14 Mei 2020 telah memutuskan bahawa solat Jumaat di Wilayah-Wilayah Persekutuan boleh dilaksanakan dalam tempoh PKPB dengan bilangan jemaah bagi solat Jumaat tidak kurang dari 3 orang tidak termasuk imam dan tidak lebih dari 30 orang. Keputusan ini mengambil kira ketetapan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan cadangan Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Khas Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Edisi Khas Pandemik COVID-19. Bilangan jemaah 30 orang ini adalah

munasabah dengan mengambilkira uruf ruang solat masjid dan surau Jumaat di Wilayah Persekutuan supaya solat Jumaat dapat dilaksanakan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Kadar maksimum ini juga boleh ditambah tertakluk kepada ketetapan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan nasihat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

2. Soalan:

**Adakah sah solat jumaat bagi individu-individu yang solat di luar kawasan masjid?**

Jawapan:

Solat Jumaat bagi jemaah yang melaksanakan solat Jumaat di luar kawasan masjid adalah sah jika menepati syarat seperti tidak ada penghalang kepada jemaah untuk pergi ke imam, jemaah boleh melihat imam atau melihat makmum rabitah (makmum) yang melihat imam, dan jarak antara jemaah dengan masjid tidak lebih daripada lebih kurang 300 hasta atau 150 meter. Solat Jumaat yang dilaksanakan tidak menepati syarat-syarat tersebut adalah tidak sah mengikut mazhab Syafie. Wajib ke atas jemaah berkenaan untuk menggantikannya dengan solat Zohor.

3. Soalan:

**Apakah hukum merentas negeri dan zon untuk solat Jumaat?**

Jawapan:

Solat Jumaat dalam tempoh PKPB wajib dilaksanakan oleh penduduk setempat berdasarkan jemputan oleh pihak masjid dan surau Jumaat. Seseorang yang tidak mendapat jemputan ini, sama ada dia berada di dalam zon hijau, kuning atau merah, tidak wajib menunaikan solat Jumaat, dan

hendaklah dia menunaikan solat Zohor. Dilarang merentas negeri atau zon semata-mata untuk melaksanakan solat Jumaat kerana perbuatan ini melanggar arahan Ulil Amri yang diputuskan atas alasan yang syarie iaitu Sadd al-Dzari`ah (menghalang berlakunya kerosakan) semasa musim penularan wabak Covid-19..

4. Soalan:

**Apakah hukum meninggalkan solat Jumaat sebanyak tiga kali?**

Jawapan:

Hukum meninggalkan solat Jumaat sebanyak tiga kali dalam tempoh PKPB adalah diharuskan kerana wujudnya keadaan darurat yang mengancam nyawa. Ancaman yang terdapat dalam hadis Nabi ﷺ keatas seseorang yang tidak melaksanakan solat Jumaat sebanyak tiga kali akan dianggap sebagai orang munafik, adalah terikat dengan syarat wajib solat Jumaat. Justeru, seseorang yang tidak wajib solat Jumaat kerana keuzuran yang diterima oleh hukum syarak, seperti berada dalam tempoh PKPB dan tidak mendapat jemputan untuk solat Jumaat, tidak termasuk dalam ancaman dalam hadis tersebut.

5. Soalan:

**Apakah hukum solat Jumaat orang yang dijemput untuk solat Jumaat tetapi tidak menepati kehendak-kehendak SOP yang ditetapkan oleh pihak JAWI?**

Jawapan:

Mematuhi kehendak-kehendak SOP yang ditetapkan oleh pihak JAWI adalah satu kewajipan. SOP ini diwujudkan adalah sebagai langkah pencegahan berdasarkan kaedah Sadd Al-Dzari`ah bertujuan mengekang penularan

wabak COVID-19. Ini kerana pihak berwajib bertindak mengikut maslahat semasa. Oleh kerana itu, jemaah yang dijemput untuk solat Jumaat oleh pihak masjid atau surau Jumaat wajib mematuhi arahan yang diberikan oleh pihak berkuasa supaya solat Jumaat dapat dilaksanakan dalam keadaan tenang dan selamat.

6. Soalan:

**Apakah hukum jual beli ketika dan selepas azan kedua solat Jumaat?**

Jawapan:

Hukum berjual beli selepas azan kedua adalah diharamkan sehingga solat Jumaat selesai ditunaikan. Larangan ini dikenakan ke atas orang yang wajib menunaikan solat Jumaat kerana ia dianggap perkara yang menyibukkan seseorang daripada urusan solat Jumaat. Bagi mereka yang tidak diwajibkan untuk solat Jumaat, larangan ini tidak berlaku terhadap mereka. Justeru dalam konteks pelaksanaan solat Jumaat dalam tempoh PKPB, individu yang diwajibkan solat Jumaat melalui jemputan, contohnya, tetap diharamkan untuk berjual beli pada waktu tersebut. Adapun mereka yang tidak diwajibkan solat Jumaat maka hukum berjual beli tidak diharamkan, namun sebaiknya ditangguhkan sehingga selesai solat sebagai langkah berhati-hati dan menghindari perspektif buruk, kecuali jika terdapat keperluan.

فتاوى مفتي ولاية persekutuan  
PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN

7. Soalan:

**Apakah hukum orang yang solat zohor ketika khutbah dan solat Jumaat sedang dilaksanakan?**

Jawapan:

Di sisi mazhab Syafie, tidak sah bagi orang yang tidak diberikan keuzuran (meninggalkan solat Jumaat) untuk menunaikan solat zohor sebelum imam solat Jumaat memberi salam. Walau bagaimanapun, hukum ini tidak terpakai dalam kes perintah larangan menunaikan solat Jumaat dalam tempoh PKPB Covid-19 kerana larangan ini merupakan salah satu bentuk keuzuran di sisi hukum syarak, atas faktor wujudnya bahaya yang mengancam nyawa. Justeru, seseorang yang tidak diwajibkan solat Jumaat semasa tempoh PKPB adalah tidak diharamkan untuk solat Zohor di awal waktu.

Disahkan oleh :

**(HAJI JAMALI BIN MOHD ADNAN)**

Timbalan Mufti Wilayah Persekutuan

Merangkap Pengerusi

Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan

**26 RAMADAN 1441H**

**19 MEI 2020**

PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN